

JABATAN PENJARA MALAYSIA

INTEGRITI BERMULA
DARI HATI



E-BULETIN

UNIT INTEGRITI

EDISI 1/2025



SIDANG PENGARANG

PENAUNG

PKK Shahril bin Basir

PENASIHAT RIDAKSI

Pn. Noor Jumaaton binti Razikin

EDITOR

En. Fitri Bakhtiar Bin Ali

PENGARANG

Noor Jumaaton binti Razikin

TPP Mohd Azwandi bin Ontiga

TPP Farah Izzati binti Imran

PPP Umar bin Siamir

Jamilah binti Abdul Jabbar

IP Muhammad Helmi bin Abu Bakar

Nik Matullahil Hakim bin Ghani

Kpl Alias bin Baharudin

Kpl. Faizul Azri bin Sazali

**ULASAN
FILEM**

TOKOH

BEDAH BUKU

RENUNGAN


LENSA INTEGRITI

TIPS

**SUDUT JOM
AMALKAN**

ANALISA KURSUS

PUISI



**E-BULETIN
INTEGRITI
EDISI 2025**

Sidang redaksi e-Buletin Unit Integriti merakamkan setinggi tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan Unit Integriti yang menjayakan penerbitan

Kami mengalu-alukan sebarang sumbangan karya bertemakan integriti (rencana, artikel, berita, cerpen, sajak dan lain-lain) untuk dikongsi bersama. Hantarkan karya anda ke

integriti@prison.gov.my

KATA-KATA ALUAN KETUA UNIT INTEGRITI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan salam sejahtera,



Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga Jabatan Penjara Malaysia yang terus komited dalam mengangkat nilai-nilai integriti sebagai asas kepada kecemerlangan perkhidmatan.

Marilah kita semua mengingatkan diri untuk terus mempertahankan integriti dalam setiap langkah yang kita ambil. Integriti bukan sahaja merujuk kepada kejujuran dan ketelusan dalam tindakan kita, tetapi juga komitmen untuk sentiasa melakukan yang betul, walaupun tiada siapa yang melihat.

Sebagai Ketua Unit Integriti, integriti adalah perkara yang tidak boleh dikompromi. Ia adalah kayu pengukur kepada kredibiliti kita dan keupayaan untuk mencapai kejayaan yang berkekalan. Marilah kita terus memperkukuh budaya integriti dalam setiap lapisan kehidupan kita, menjadikan ia sebagai panduan dalam mencapai matlamat dan mencipta impak positif kepada masyarakat dan negara.

Sebagai penutup, marilah kita semua berjanji untuk terus mengamalkan integriti dalam setiap tindakan dan keputusan kita. Hanya dengan berpegang pada nilai-nilai yang murni ini, kita dapat mencipta dunia yang lebih baik, penuh dengan kepercayaan dan keharmonian.

Sekian, terima kasih.

PKK SHARIL BIN BASIR
KETUA UNIT INTEGRITI
IBU PEJABAT PENJARA MALAYSIA

BEDAH BUKU



Bismillahirrahmanirahim...

Dalam perkongsian bedah buku kali ini Unit Integriti dan Pemuatan Standard telah memilih satu buku untuk kita jadikan pengajaran.

Buku Kalau Aku Kaya merupakan hasil karya pertama Aldzham Kamil yang menerangkan secara ringkas tetapi padat tentang pengurusan kewangan mengikut perspektif Islam. Pada pendahuluan buku tersebut, penulis membangkitkan isu-isu yang sering dihadapi oleh masyarakat Islam kini iaitu takut untuk menceburkan diri dalam perniagaan kerana bimbang akan kerugian, salah pengertian tentang kebahagiaan sebenar dan tidak mengetahui tentang konsep kewangan dan cara mengurusannya. Buku ini bertujuan untuk membuka minda masyarakat Islam tentang konsep kewangan dan kekayaan yang sebenar dalam Islam.

Buku ini terbahagi kepada 7 bab utama yang merangkumi aspek tujuan kehidupan mukmin, kekayaan hati, menempuh cabaran, apa di sisi orang mukmin, barakatologi, nilai sebenar dan perhubungan hamba dengan Tuhannya.

Menurut penulis, orang mukmin berbeza dengan orang bukan mukmin kerana orang mukmin mempunyai tujuan hidup yang jelas iaitu menjadi hamba Allah dan menjadi khalifah Allah. Maka segala usaha oleh umat Islam untuk meninggikan syariat Islam adalah dianggap sebagai jihad. Ini termasuklah menggunakan kekayaan di jalan Allah S.W.T untuk membeli Syurga Allah seperti dalam Surah Al-Shaff. Penulis juga menekankan supaya umat Islam tidak bersikap terlalu berkira dalam menyedekahkan kekayaan di jalan Allah S.W.T supaya ia akan menjadi saham pahala pada kemudian hari.

Penulis juga menekankan bahawa hati yang kaya merupakan penentu halatuju kehidupan yang akan kita tempuhi di mana kekayaan harta hanya dapat dikecapi dan dinikmati dengan adanya hati yang kaya.

Sebagai umat Islam, kita perlu melakukan pembersihan hati dengan memperbanyakkan amal soleh agar memperoleh hidayah daripada Allah S.W.T. Seterusnya umat Islam juga perlu mengamalkan sedekah jariah dan zakat untuk membersihkan hati. Sebagai seorang mukmin, segala perbuatan dan tingkahlaku kita akan memberi kesan pada hati sama ada perbuatan yang baik atau buruk. Ciri-ciri mukmin yang kaya sebagaimana dalam Surah al-Mu`minun, kita perlu yakin tentang rezeki yang dijanjikan oleh Allah S.W.T. Kita perlu yakin hanya dengan rezeki yang halal, kita akan sentiasa dalam pemeliharaan Allah S.W.T. Kunci utama kepada segala permasalahan ialah kesuburan jiwa dan kebijaksanaan akal.

Seterusnya penulis mengingatkan bahawa seorang Mukmin yang kaya adalah seseorang yang kaya dengan perasaan takwa kepada Allah S.W.T walaupun ditimpa musibah, mereka akan tetap berasa tenang dan redha. Seorang Mukmin yang bebas dari pengaruh duniawi akan memiliki jiwa yang tenang, tenteram dan lebih bermakna. Dalam bab ini juga, penulis menekankan betapa pentingnya orang Mukmin untuk memajukan ekonomi Islam di mana kita perlu yakin dan menyokong perniagaan yang diusahakan oleh umat Islam.

Kebebasan kewangan yang dimaksudkan oleh penulis ialah keadaan di mana seseorang itu bebas membuat pilihan tanpa terikat dengan keadaan dalam melaksanakan perintah Allah S.W.T.

Lima langkah praktikal yang diketengahkan ialah memberi keutamaan dalam merancang samada keutamaan kewangan untuk simpanan persaraan mahupun untuk tujuan perbelanjaan perubatan. Kedua ialah menjauhi dari berhutang supaya tidak menjejaskan hubungan sesama Islam. Ketiga ialah mempraktikkan strategi kewangan Nabi Yusuf AS yang dalam mengurus kewangan secara efektif serta melabur sebahagian pendapatan kita untuk takaful yang mempunyai tujuan asas perlindungan kewangan Mukmin.

Satu konsep yang menarik cuba diperkenalkan oleh penulis ialah kepentingan konsep berkat dalam kehidupan setiap Muslim di mana kejayaan seseorang itu tidak semestinya bergantung kepada logik akal semata-mata tetapi ia kadangkala terjadi apabila berlakusesuatu keajaiban kehidupan yang tidak terbatas dengan pemikiran logik akal. Menurut penulis, sunah Rasulullah S.A.W. merupakan magnet keberkatan dan disyorkan bagi kita untuk kehidupan kita yang lebih baik dan diberkati.

Secara kesimpulannya, saya dapati buku ini amat baik sebagai panduan untuk lebih memahami tentang pengurusan kewangan mengikut perspektif Islam, mudah difahami dan sesuai dibaca oleh semua golongan pembaca.

TOKOH



TOKOH INTEGRITI: SAIDINA ABU BAKAR AS-SIDDIQ

Saidina Abu Bakar As-Siddiq, sahabat karib Nabi Muhammad SAW dan Khalifah Islam pertama, adalah contoh unggul integriti dalam sejarah Islam.

Gelarnya "As-Siddiq" yang bermaksud "yang membenarkan" mencerminkan sifat jujur, amanah, dan kepercayaannya yang tinggi kepada Rasulullah SAW serta wahyu Allah. Integritinya terlihat jelas sepanjang hayatnya, baik sebagai individu, sahabat Nabi, mahupun pemimpin umat Islam (Al-Mubarakpuri, 1996).

KETEGUHAN MEMPERTAHANKAN PRINSIP

Integriti Abu Bakar terserlah melalui ketegasannya dalam menegakkan hukum Allah. Selepas kewafatan Nabi SAW, terdapat golongan yang enggan membayar zakat. Sebagai pemimpin, Abu Bakar bertegas bahawa zakat adalah kewajipan yang tidak boleh diabaikan, walaupun keputusan ini membawa risiko besar kepada kestabilan umat. Beliau berkata, "Demi Allah, jika mereka enggan memberikan seutas tali unta yang mereka berikan kepada Rasulullah SAW, aku akan memerangi mereka kerana itu" (Al-Bukhari, 2007). Keteguhan ini memastikan keutuhan Islam terus terpelihara.

KEJUJURAN DAN AMANAH

Sebelum memeluk Islam, Abu Bakar sudah dikenali sebagai seorang pedagang yang jujur dan amanah. Setelah memeluk Islam, beliau terus menunjukkan kepercayaan penuh kepada Nabi Muhammad SAW, termasuk membenarkan peristiwa Isra' dan Mi'raj tanpa keraguan (Lings, 1983). Sebagai Khalifah, beliau meneruskan sifat ini dengan menegakkan kebenaran dan memastikan syariat Islam dilaksanakan tanpa kompromi, walaupun menghadapi tentangan yang besar.

SEDERHANA DAN RENDAH HATI

Walaupun menjadi pemimpin tertinggi umat Islam, Abu Bakar menjalani kehidupan yang sangat sederhana. Beliau tetap bekerja untuk menyara keluarganya dan tidak pernah menyalahgunakan kedudukannya untuk keuntungan peribadi. Gaji yang diterimanya sebagai Khalifah hanyalah cukup untuk keperluan asas, dan setelahwafat, segala kelebihan hartanya dikembalikan kepada Baitulmal. Sifat ini menunjukkan kesederhanaan dan integriti luar biasa dalam kepimpinannya (Zafrulla Khan, 1981).

KEDERMAWANAN DAN PENGORBANAN

Abu Bakar adalah seorang dermawan yang sering menyumbangkan hartanya untuk kepentingan Islam. Dalam Perang Tabuk, beliau menyerahkan seluruh hartanya kepada Nabi SAW. Ketika ditanya apa yang ditinggalkan untuk keluarganya, beliau menjawab, “Aku tinggalkan Allah dan Rasul-Nya untuk mereka” (Al-Mubarakpuri, 1996). Tindakan ini mencerminkan kesetiaan dan keikhlasannya dalam meletakkan agama di atas segala-galanya.

MENEGAKKAN KEADILAN

Sebagai Khalifah, Abu Bakar sentiasa mengutamakan keadilan dalam setiap keputusan. Beliau memastikan hak setiap individu terpelihara dan tiada sesiapa yang diberi keutamaan atas dasar hubungan peribadi. Beliau juga dengan rendah hati menyeru umat Islam agar menegurnya jika beliau melakukan kesilapan, menunjukkan sifat keterbukaan dan keikhlasan yang tinggi dalam kepimpinannya (Lings, 1983).



kesimpulannya

Saidina Abu Bakar As-Siddiq adalah lambang integriti sejati dalam Islam. Kejujurannya, amanah, kesederhanaan dan keteguhannya dalam menegakkan prinsip menjadikan beliau teladan terbaik bagi pemimpin sepanjang zaman. Kehidupan beliau mengajar kita bahawa integriti adalah asas kepada kepercayaan dan penghormatan, serta kunci kejayaan dalam memimpin masyarakat. Abu Bakar meninggalkan legasi kepimpinan berintegriti yang terus menjadi inspirasi hingga ke hari ini.



PuISI

INTEGRITI PENJANA HARMONI

Dalam diri terbit cahaya,
Integriti nama yang mulia,
Teguh berpegang pada janji,
Nilai luhur tiang organisasi.

Di lorong kerja kita melangkah,
Kejujuran jadi arah tuju,
Tiada goyah, tiada lelah,
Amanah dipikul penuh restu.

Bukan sekadar kata di bibir,
Integriti adalah roh pemimpin,
Dalam setiap tindak dan fikir,
Ia melakar jalan keadilan.

Walau badai menghempas keras,
Prinsip teguh takkan terlerai,
Kerana nilai ini berbekas,
Mencipta kepercayaan yang tak ternilai.

Dalam kerjasama, kita berdiri,
Membangun kukuh jalinan hati,
Setiap insan punya misi,
Menjunjung etika, menjulang harmoni.

Organisasi maju seiring langkah,
Bukan kerana harta melimpah,
Tetapi kerana nilai yang indah,
Integriti tegak, maruah terjaga sudah.

Mari bersama, kita sulam cita,
Menjadi contoh untuk dunia,
Kerana integriti bukan hanya nama,
Ia adalah jiwa kepada semua.

JAMILAH BINTI ABDUL JABBAR



TIPS

BERDASARKAN PANDUAN AL-QURAN



1. SENTIASA INGAT ALLAH (TAQWA)

Firman Allah:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam." (Surah Ali 'Imran: 102)

- Taqwa menjadi asas utama untuk menjauhi perkara yang menyalahi etika dan integriti.



2. BERSIKAP JUJUR DAN AMANAH

Firman Allah:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya)..." (Surah An-Nisa': 58)

- Amanah adalah tanggungjawab yang perlu dijalankan tanpa sebarang penyelewengan.

3. JAUHI PENIPUAN DAN KETIDAKJUJURAN

Firman Allah:

"Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah..." (Surah Al-Baqarah: 188)

- Hindari segala bentuk penipuan, rasuah, atau manipulasi dalam urusan harian.

4. SENTIASA BERSYUKUR KEPADA ALLAH

Firman Allah:

"Jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan menambah (nikmat) kepadamu..." (Surah Ibrahim: 7)



5. BERTANGGUNGJAWAB ATAS SEGALA TINDAKAN

Firman Allah:

"Tiap-tiap diri bertanggungjawab atas apa yang telah diperbuatnya." (Surah Al-Muddathir: 38)

- Jangan cuba menyalahkan orang lain untuk menutup kesilapan sendiri.



6. JAUHI SIFAT TAMAK DAN KEDUNIAAN

Firman Allah:

"Dan janganlah kamu terlalu menginginkan apa yang telah Kami lebihkan kepada sebahagian mereka..."

- Jangan terlalu mengejar dunia hingga lupa batas-batas halal dan haram.

SUDUT JOM AMALKAN

BAGAIMANA INTEGRITI DIBENTUK DALAM SEBUAH ORGANISASI BESAR

Integriti merupakan nilai teras yang memacu kepercayaan, ketelusan, dan kebertanggungjawaban dalam organisasi. Dalam sesebuah organisasi besar, membentuk integriti memerlukan komitmen kolektif dan pendekatan strategik yang melibatkan semua peringkat pekerja. Kajian menunjukkan bahawa integriti yang kukuh meningkatkan prestasi organisasi dan memperkukuh hubungan dengan pihak berkepentingan.

KEPIMPINAN BERINTEGRITI

Integriti dalam organisasi bermula dari kepimpinan. Pemimpin yang menunjukkan kejujuran dan teladan etika mempengaruhi tingkah laku pekerja secara langsung. Sebagai contoh, CEO Microsoft, Satya Nadella, telah membentuk budaya kepercayaan dan ketelusan dalam syarikat melalui pendekatan empati dan pemikiran terbuka, yang menyumbang kepada transformasi positif Microsoft.



POLISI DAN KOD ETIKA

Organisasi besar harus mempunyai polisi dan kod etika yang jelas untuk membimbing pekerja. Contohnya, Apple melaksanakan Supplier Code of Conduct yang menekankan amalan beretika dalam rantai bekalan mereka. Polisi ini bukan sahaja melindungi hak pekerja tetapi juga mengekalkan integriti jenama (Apple Inc., 2023).



BUDAYA ORGANISASI YANG POSITIF

Mewujudkan budaya organisasi yang mengutamakan integriti penting untuk memastikan kelangsungan nilai ini. Google, sebagai contoh, mengamalkan budaya yang menghargai maklum balas pekerja, ketelusan dalam komunikasi, dan kebertanggungjawaban terhadap keputusan yang diambil (Smith & Lewis, 2020).

PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN

Organisasi besar mesti konsisten dalam memantau dan menguatkuasakan pelaksanaan integriti. Audit dalaman dan luaran boleh membantu mengenal pasti kelemahan dalam sistem. Sebagai contoh, syarikat Volkswagen memperkenalkan langkah penguatkuasaan baharu selepas skandal dieselgate, termasuk program pematuhan ketat untuk meningkatkan integriti syarikat.



PENDIDIKAN DAN LATIHAN

Latihan yang berterusan membantu pekerja memahami kepentingan integriti. Syarikat seperti Deloitte menawarkan program pendidikan etika kepada pekerja untuk memastikan mereka selari dengan nilai organisasi.

TPP

Farah Izzati binti Imran



LIVE

SECARA LANGSUNG MENGIKUTI KAWAN



RENUNGAN

INTEGRITI DAN AMANAH

1. MENUNAIKAN AMANAH

Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

"Berikanlah amanah kepada orang yang berhak menerimanya, dan janganlah kamu mengkhianati orang yang mengkhianatimu."

2. INTEGRITI DALAM TANGGUNGJAWAB

Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

"Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin akan dipertanggungjawabkan atas apa yang dipimpinnya."

3. KEJUJURAN SEBAGAI ASAS KEIMANAN

Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

"Hendaklah kamu berkata benar, kerana kejujuran membawa kepada kebaikan, dan kebaikan membawa ke syurga."

KEPENTINGAN MENJAGA JANJI

Allah SWT berfirman:
"Dan penuhilah janji;
sesungguhnya janji
itu akan ditanya."
(Surah Al-Isra: 34)

KEJUJURAN MEMBAWA KEJAYAAN

Allah SWT berfirman:
"Wahai orang-orang yang beriman!
Bertakwalah kamu kepada Allah,
dan hendaklah kamu bersama
orang-orang yang benar."
(Surah At-Taubah: 119)



100k



1.0k



500



3.0k

IP Muhammad Helmi bin Abu Bakar

22 - 24 April 2025

LENSA INTEGRITI



Bengkel CRM
Maktab Penjara Malaysia

MPGIA



Majlis Pelaksanaan Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Anti Rasuah

9 Mei 2025



ANALISA KURSUS


TAHUN 2024

KURSUS LANJUTAN ABMS SIRI 1

(PEGAWAI URUS SETIA ABMS)

23 - 25 APRIL 2024

PENGISIAN PROGRAM



KEMAHIRAN MENYELESAIKAN MASALAH



PENGETAHUAN MENGENAI KURSUS



KURSUS LANJUTAN ABMS SIRI 2



(PEGAWAI JURUAUDIT ABMS)

23 - 25 JULAI 2024

PENGETAHUAN MENGENAI KURSUS




LOGISTIK KURSUS DAN URUSETIAAN



**BENGKEL SEMAK SEMULA
CORRUPTION RISK MANAGEMENT
(CRM)**

14 - 16 FEB 2024

PENILAIAN SETIAP SLOT PROGRAM





PENGETAHUAN MENGENAI KURSUS



**KURSUS TRAINING OF TRAINER
(TOT)**

15 - 16 MEI 2024

PERSEMBAHAN PENCERAMAH



**KEMAHIRAN
MENYELESAIKAN MASALAH**

